



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

PM YAB TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN AKAN MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE SIDANG KEMUNCAK KUMPULAN LAPAN NEGARA MEMBANGUN (D-8) KE-10 (SECARA MAYA) 8 APRIL 2021

Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) Ke-10 yang diadakan secara maya pada 8 April 2021. Sidang Kemuncak ini dihoskan oleh Bangladesh selaku Pengerusi Sidang Kemuncak D-8.

Sidang Kemuncak ini telah didahului dengan Sesi Mesyuarat Majlis Menteri-Menteri D-8 Ke-19 yang disertai oleh Menteri Luar Negeri YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada 7 April 2021. Sesi Mesyuarat Pesuruhjaya D-8 Ke-43 pula telah diadakan pada 5 – 6 April 2021.

Tema Sidang Kemuncak pada tahun ini iaitu “Partnership for a Transformative World: Harnessing the Power of Youth and Technology”, adalah bertepatan dengan agenda D-8 untuk mengkaji semula inisiatif sedia ada dan pada masa yang sama meneroka peluang baharu melalui pemerksaan belia dan teknologi digital, dalam menangani cabaran ekonomi global, yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Para pemimpin dijangka membincang dan memperhalusi perkembangan serta pencapaian kerjasama ekonomi yang wujud sejak dua dekad yang lalu seterusnya merangka rancangan kerjasama ekonomi untuk dekad seterusnya.

Kerjasama ekonomi di bawah Kumpulan D-8 meliputi enam (6) bidang keutamaan iaitu perdagangan, kerjasama industri dan perusahaan kecil dan sederhana, pertanian, pengangkutan, tenaga dan mineral serta pelancongan.

Para pemimpin juga akan menerima pakai dua (2) dokumen hasil iaitu Deklarasi Dhaka dan Pelan Hala Tuju D-8 2020-2030.



WISMA PUTRA

Deklarasi Dhaka akan memperkukuh komitmen negara anggota bagi menyempurnakan objektif dan kerjasama D-8 dalam merangka strategi masa hadapan manakala Pelan Hala Tuju D-8 bagi tempoh 2020 – 2030 akan menyediakan garis panduan bagi pemantauan dan penilaian ke atas pencapaian D-8 untuk 10 tahun.

Sidang Kemuncak ini juga dijangka akan menjana idea dan inisiatif baharu bagi mencapai objektif dan aspirasi Kumpulan D-8. Penyertaan Malaysia ke Sidang Kemuncak ini secara langsung menzahirkan komitmen dan sokongan berterusan Malaysia terhadap inisiatif-inisiatif di bawah rangka kerjasama D-8.

Setiausaha Agung D-8 kini ialah Dato' Ku Jaafar Ku Shaari, iaitu rakyat Malaysia pertama yang dilantik ke jawatan tersebut. Beliau telah dilantik pada 1 Januari 2018 untuk tempoh 4 tahun.

PUTRAJAYA
07 APRIL 2021



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my